

CNS9509

R GB 12-05 00206 BH600

aab

Mahathir - Li Peng

MAHATHIR MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN LI PENG

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

BEIJING, 12 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kini dalam rangka lawatan peribadi ke China, mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Li Peng di pejabatnya "Purple Pavillion" di Dewan Besar Rakyat di sini hari ini bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri memberitahu wartawan Malaysia bahawa hubungan antara Malaysia dan China adalah baik dan terdapat hanya "sedikit masalah" yang perlu diselesaikan.

Selain hubungan dua hala, kedua-dua pemimpin itu juga dijangka membincangkan hal-hal serantau dan isu antarabangsa, terutamanya perkembangan di Bosnia-Herzegovina, Afrika Selatan dan Rwanda.

Dr Mahathir, yang dua minggu lepas menemui presiden kulit hitam Afrika Selatan yang baru dilantik, Nelson Mandela dan presiden kulit putih terakhir, F. W. de Clerk di Johannesburg, Perdana Menteri Perancis Edouard Balladur di Paris dan Presiden Bill Clinton di Washington, juga dijangka memaklumkan kepada pemimpin China itu mengenai hasil perbincangan dengan mereka.

Perdana Menteri yang memang diketahui menyokong program ekonomi bebas dan reformasi China, begitu kritikal dengan cara sesetengah negara Barat mengendalikan hubungan mereka dengan China dan persepsi mereka terhadap kepentingan jangka panjang Beijing. -- Lagi

▼12/05/18-12MST

CNS9513

R GB 12 05 00154 BH601

aab

Mahathir - Li Peng 2 Beijing

Dalam pertemuannya dengan Clinton minggu lepas, Dr Mahathir dilaporkan telah memberitahu presiden Amerika Syarikat itu agar tidak menggunakan taktik "pulas tangan" dalam hubungannya dengan China.

Washington dan Beijing kini terlibat dalam pergeseran diplomatik berhubung soal status Negara Pilihan Utama yang kini dinikmati oleh China.

Di bawah syarat-syarat perdagangan Amerika, sesebuah negara berstatus Negara Pilihan Utama diberikan tariff serendah mungkin bagi barangan importnya ke pasaran Amerika.

Presiden Clinton yang akan menentukan masa depan China sebagai Negara Pilihan Utama pada 3 Jun ini telah mengancam akan menarik balik kemudahan itu melainkan Beijing memperbaiki rekod hak asasinya.

Dalam ucapan dasarnya di "Sidang Puncak China 1994" di sini semalam, Perdana Menteri sekali lagi menyatakan sokongan ke atas pendirian China itu.

Beliau berkata China mengambil pendirian yang betul dengan mengekalkan politik sosialisnya sambil melaksanakan pasaran ekonomi terbuka.

"Ia adalah tepat kerana ia telah berjaya mengelak kekalutan ekonomi dan politik seperti yang dialami oleh Soviet Union."

"Ia adalah betul kerana ia lebih berjaya dari segi ekonomi. Ia kini berkembang dan berkembang dengan pesat," katanya.

Lewat hari ini, Dr Mahathir akan mengunjungi Presiden China, Jiang Zemin di Rumah Tetamu Diaoyutai di pusat bandar Beijing.

Beliau juga akan menjadi tetamu kehormat bagi satu jamuan malam yang diraikan oleh presiden China itu.

Perdana Menteri akan berlepas pulang esok.-- Bernama.

ARES OA

▼12/05/18-13MST